

KENYATAAN MEDIA

TALKING RUBBISH NO MONEY (NO WASTER) NO TALK.

Kerjasama Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPPJ) dan Kerajaan Negeri telah berjaya menganjurkan syarahan umum siri kedua yang bertajuk ***Talking Rubbish No Money (No Waster) No Talk***. Program membina kapasiti ini adalah sahutan kepada inisiatif bandaraya hijau berkarbon rendah majlis yang telah banyak diberikan pengiktirafan oleh agensi lain termasuk kerajaan negeri selangor dan kementerian tenaga, teknologi hijau dan air.

Pada syarahan umum yang dikendalikan oleh Dr Gary William Theseira daripada Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, beliau telah menyarankan peranan utama PBT dalam perubahan iklim haruslah difokaskan kepada aspek tenaga, kehijauan dan juga pengurusan sisa buangan. Ketiga-tiga aspek tersebut adalah di bawah kawalan dan pengaruh PBT dalam mewujudkan bandaraya berkarbon rendah.

Tajuk syarahan iaitu, "TALKING RUBBISH" adalah tepat pada tempatnya lebih-lebih lagi setelah majlis mengambil alih urusan pengurusan sisa buangan domestik daripada syarikat alam flora sejak tahun lepas. Majlis amat bertuah kerana Tuan Dr Theng Lee Chong, seorang pakarunding yang berkemahiran dalam bidang pengurusan sisa pepejal telah sudi meluangkan masa bersama kita untuk meninjau isu, cabaran dan way forward bagi pengurusan sisa buangan.

Dunia akan menyambut ulang tahun ke-20 earth summit di rio de janeiro, brazil pada bulan jun di mana pencapaian serta kemajuan global blueprint sustainable development sejak tahun 1992 akan ditinjau. Dua orang anggota majlis, iaitu Encik Khairul Anuar b Ahmad Zainudin, Ahli Majlis dan Encik Lee Lih Shyan, Ketua Unit OSC akan menyertai delegasi Kerajaan Negeri Selangor untuk menyertai persidangan Rio + 20 dengan tema: "The Future We Want" mulai 13hb hingga 22hb jun di Brazil.

Pengalaman dan pengajaran majlis akan dapat dikongsi bersama serta pembelajaran baru berkenaan emerging trend dalam pembangunan mampan, perubahan iklim serta amalan baik green urbanisme daripada bandaraya lain akan dapat dijadikan teladan kelak.

MBPJ memperuntukkan RM 54 juta ataupun 21% daripada belanjawan mbpj bagi kerja pelupusan sampah dan pembersihan kawasan pada tahun 2012, RM 6 juta lebih rendah bagi tahun 2011 semasa pengurusan sisa domestik diurusetikan oleh pihak alam flora. Sukacita dinyatakan di sini bahawa menerusi proses tender, seramai 150 orang kontraktor bagi kerja pelupusan sampah, pembersihan kawasan dan waste buster telah dilantik dengan harga kontrak sebanyak RM 48 juta saja.

Ini bermakna penjimatan sebanyak 20% dengan perubahan modus operandi pengurusan sisa domestik dan pembersihan kawasan. Adalah dimaklumkan juga bahawa purata pengutipan sampah domestik di kawasan majlis adalah 450 ton sehari ataupun 0.70 kg per kapital per hari. Jika berbanding dengan purata kebangsaan, iaitu 0.5 kg/kapital/hari, ini bermaksud penduduk petaling jaya menjanakan lebih banyak sampah, yang mungkin disebabkan gaya hidup perbandaran, corak penggunaan yang lebih excessive.

Seiring itu, adalah menjadi satu cabaran besar kepada bukan saja dari segi menguruskan pelupusan sampah lebih efisien lagi, malah mencari jalan untuk amalan konsep 3r, iaitu pengurangan, penggunaan semula dan kitar semula untuk kita meringankan bebanan pengurusan sampah, dan seterusnya perbelanjaan majlis.

Oleh yang demikian, syarahan dan forum sedemikian adalah sangat-sangat dialu-alukan dan harus dianjurkan lebih kerap lagi. Sementara itu, majlis telah mengambil langkah inisiatif lain untuk mengaplikasikan konsep 3r. Antara inisiatif yang dijalankan termasuk galakan penubuhan pusat kitar semula komuniti di kawasan kejiranan, kempen kitar semula minyak masak, program pengkomposan sisa dapur, program membuat ensim, penganjuran hari organik bersama NGO, program e-MBPJ, Green Monday, Kempen No-Plastic pada setiap hari Jumaat, e-mesyuarat dan lain lagi.

Seiring itu, pihak Majlis menyeru supaya semua pihak berkepentingan terutamanya organisasi penduduk, media, agensi lain dan sektor swasta berganding bahu dengan pihak MBPJ dalam membangunkan PJ sebuah bandaraya hijau berkarbon rendah.

Di sediakan Oleh

**Sekretariat Media
Unit Perhubungan Awam dan Korporat
Majlis Bandaraya Petaling Jaya**

Laman web : www.mbpj.gov.my , facebook: Petaling Jaya City Council,
twitter : pjcitycouncil, emel : media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695

Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, sila hubungi :
Pegawai Perhubungan Awam MBPJ, Puan Zainun bt Zakaria, 019-2239604, zainun@mbpj.gov.my
Penolong Pegawai Perhubungan Awam MBPJ, En Ahmad Iskandar b. Mohamad Mukhtar, 017-6946884,
ahmadiskandar@mbpj.gov.my